

# INOVASI MEMPERKASAKAN INDUSTRI KRAF TEMPATAN

Teks Dan Foto: Jamil Hashim



Pelbagai hasil barangan kraf yang ada kini sebenarnya berasaskan daripada peralatan atau barang-barang keperluan dalam kehidupan harian yang dihasilkan sejak zaman datuk nenek moyang dahulu seperti tikar mengkuang sebagai alas tempat duduk atau tidur, bakul rotan untuk menyimpan buah-buahan, periuk tanah untuk memasak serta pasu, tempayan atau labu tembikar untuk menyimpan air.

Barang-barang inilah yang digunakan dalam kehidupan masyarakat tradisi hingga munculnya ciptaan peralatan baharu daripada besi, kaca dan plastik dalam pelbagai bentuk yang digunakan secara meluas dalam kehidupan. Kemunculannya menyebabkan barangan tradisional seperti bakul dan kerusi rotan, tikar mengkuang, pasu dan labu tembikar kurang digunakan lagi atau terus tidak digunakan. Fenomena ini yang bersifat sejagat

berlaku di mana jua termasuk di negara kita sehingga sukar ditemui peralatan atau barangan tradisi tersebut kerana tidak lagi digunakan.

Jika dahulu, barang-barang dan peralatan itu yang biasa digunakan sebagai pelengkap dalam kehidupan harian masyarakat tetapi persepsi terhadapnya dalam era moden kini telah berubah. Masyarakat melihat barangan dan peralatan lama itu yang sesetengahnya sukar lagi ditemui mempunyai nilai estetika yang tinggi, indah dan halus pembuatannya serta menarik dijadikan sebagai bahan perhiasan khususnya di dalam rumah.

Inilah kemudiannya yang mendorong usaha mengeluarkan semula pelbagai barangan tersebut sebagai keluaran desa semakin berkembang sehingga menjadi suatu perusahaan. Pengeluarannya sama ada yang berasaskan kain, tanah, logam, kayu atau bahagian daripada tumbuhan seperti daun, bunga, akar, kulit batang pokok, sabut dan tempurung,

Menyorot catatan sejarah, minat untuk mengumpulkan barang-barang dan peralatan lama yang digunakan oleh masyarakat ini yang dilihat sebagai unik dan menarik telah dimulakan oleh beberapa orang pentadbir British di Tanah Melayu seawal era 1950-an yang turut mendorong Persatuan Pertanian dan Pekebunan Malaya (MAHA) menjadikan kraf antara bahan pamerannya pada era tahun 1960-an dan 1970-an yang berlanjutan hingga kini.



Aktiviti pembuatan kraf pada Hari Kraf Kebangsaan 2020.

Pengeluaran barangan kraf juga turut mendapat perhatian Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan (RIDA) yang ditubuhkan pada tahun 1953 bagi membangun dan memajukan masyarakat di kawasan luar bandar yang membawa kepada penubuhan Majlis Amanah Rakyat (MARA) pada 1966. Di bawah MARA, Pusat Kemajuan Pertukangan Tangan turut diwujudkan pada 1967 dengan membuat penyelidikan serta mereka

bentuk dan mereka corak barangan kraf untuk diusahakan oleh masyarakat desa.

Usaha khusus memajukan produk kraftangan ini kemudiannya dipertanggungjawabkan kepada Lembaga Kraftangan Malaysia yang ditubuhkan pada 1973 yang kemudiannya menjadi Perbadanan Kemajuan Kraftangan



Hasil kraf daripada tekstil.

Malaysia (Kraftangan Malaysia) pada 1 Oktober 1979. Bukan sekadar aspek pengeluaran, malah usaha mempromosikan dan memasarkan produk kraf kemudiannya diberikan tumpuan dengan mewujudkan Perkampungan Karyaneka di Jalan Raja Chulan Kuala Lumpur sekitar 1980-an. Inilah yang menjadi asas diwujudkan Kompleks Kraf Kuala Lumpur di Jalan Conlay sekarang yang berfungsi sebagai pusat kraf setempat yang mempromosikan dan memasarkan keluaran produk kraf tempatan termasuk melalui penganjuran karnival, pameran dan jualan.

Selain aspek promosi barangan kraf kepada masyarakat tempatan dan pelancong asing, Hari Kraf Kebangsaan kali ke-18 yang diadakan dari 26 Februari hingga 9 Mac 2020 turut melanjutkan tradisinya selama ini dengan memberikan pengiktirafan kepada usahawan kraf tempatan yang mahir dan bersungguh-sungguh berusaha menyokong memajukan warisan kraf negara. Kedua-dua kategori itu melibatkan anugerah Tokoh Kraf Negara untuk usahawan yang sudah lama berkecimpung dalam industri pembuatan barangan kraf dan anugerah Usahawan Kraf Muda untuk usahawan di bawah umur 40 tahun yang berbakat dan berpotensi untuk maju dan berjaya.

Untuk kali ini, pengusaha kraf seramik, Rohana Abd Rahman dari Selangor dianugerahkan sebagai Tokoh Kraf Negara 2020. Beliau menerima pingat dan sijil watikah pelantikan sebagai Tokoh Kraf Negara, sepersalinan pakaian songket, ganjaran tunai RM 60,000 dan kemudahan rawatan kelas pertama di hospital kerajaan.

Anugerah dan watikah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato' Dr. Noor Zari



Labu sayong mendapat permintaan yang tinggi dari dalam dan luar negara.

Hamat. Beliau juga turut menyampaikan Anugerah Usahawan Kraf Muda kepada penggiat dan usahawan kraf hasil rimba, Nor Hazilawati Buang dari Johor. Beliau dalam kategori usahawan berumur 40 tahun ke bawah dipilih kerana terlibat secara aktif dalam pembangunan industri kraf dan berpotensi untuk maju. Beliau menerima plak anugerah berserta sijil, insentif pengeluaran kraf bernilai RM5,000 dan ruang jualan percuma selama setahun dalam aktiviti promosi utama anjuran Kraftangan Malaysia selama dua tahun bermula tahun ini.


Melalui ucapannya, Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia, Ibrahim Ismail berkata, pihaknya akan memperkasakan lagi aktiviti berkaitan industri kraf negara dengan memperkenalkan projek perintis platform *Hub Digital Kraf Malaysia*, bernilai RM20 juta. Inisiatif ini selari dengan era pendigitalan yang mencetuskan Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) dengan potensi capaian lebih mudah dan meluas yang menjadi agenda terkini negara. Kraftangan Malaysia jugamenyedari keupayaan inovasi itu amat membantu dalam mempergiatkan industri kraf kerana menyediakan kemudahan capaian data serta maklumat yang lengkap dan terkini berkaitan industri kraf. Ini termasuk direktori usahawan yang memaparkan pelbagai jenis produk yang dikeluarkan bagi tujuan promosi produk dan jualan serta tempahan pembelian secara dalam talian.

Hal ini juga sebagai inisiatif tambahan kepada kewujudan laman web Kraftangan Malaysia sedia ada untuk membolehkan

capaian mudah masyarakat kepada maklumat berkaitan produk kraf, pameran dan jualan produk serta aktiviti semasa di Kompleks Kraf Kuala Lumpur atau tempat lain.

Bukan sekadar mempromosikan produk kraftangan kepada masyarakat umum termasuk pelancong tetapi inovasi ini juga boleh dimanfaatkan untuk tujuan latihan. Institut Kraf Negara (IKN) di Rawang, Selangor sendiri yang diwujudkan pada 1996 yang menyediakan latihan pembuatan barangan kraf pada peringkat sijil dan diploma juga boleh menggunakan pendekatan pengajaran secara digital ini. Ini menjadikan kaedah pembelajaran lebih mudah, menarik dan berkesan terutama berkaitan dengan aspek mencipta reka bentuk barangan kraf. Inisiatif pengajaran secara dalam talian ini juga boleh dimanfaatkan oleh masyarakat umum yang berminat dengan seni pembuatan barangan kraf.

Segmen mengenai Hab Digital Kraf yang turut dipamerkan pada Hari Kraf Negara itu di samping gerai-gerai pameran dan jualan barangan kraf turut mendapat perhatian kalangan usahawan kraf, pencinta seni dan orang ramai termasuk pelancong asing. Sambutan kali ini yang bertemakan "Kraf Memperkasakan Sosioekonomi Rakyat" turut menampilkan pameran karya ulung kraf ukiran kayu; produk inspirasi tokoh dan kejayaan 40 tahun Kraftangan Malaysia di samping demonstrasi dan pertandingan kemahiran membuat kraf.



Muzium Kraf Digital.

Di samping pameran kekal sedia ada di Kompleks Kraf Kuala Lumpur yang memaparkan pelbagai maklumat mengenai industri kraf, penyediaan ruang pameran tambahan di dalam dan luar kompleks juga turut memberikan kesempatan kepada 680 orang usahawan kraf dari seluruh negara mempamerkan aktiviti pengeluaran kraf masing-masing. Ini jelas menampakkan wujudnya kepelbagaian jenis kraf hasil kreativiti masyarakat Malaysia pelbagai kaum yang turut disifatkan oleh pengunjung terutama pelancong asing sebagai sesuatu yang unik dan menarik.



Adiguru Kraf batik menunjukkan demonstrasi membuat batik.

Bukan sekadar mempamerkan produk masing-masing tetapi terdapat juga beberapa gerai mengadakan demonstrasi pembuatan barangan kraf tradisi yang menunjukkan kemahiran pembuatnya terutama berkaitan dengan ukiran kayu, menganyam tikar mengkuang, membuat bakul rotan dan mencetak batik. Beberapa orang daripada mereka merupakan tukang mahir yang diiktiraf dan dilantik oleh Kraftangan Malaysia sebagai Adiguru Kraf yang mula diperkenalkan pada 1987.



Penghasilan perabot menggunakan kayu yang berkualiti.

Gaya penampilan adiguru dalam pakaian tradisional ini di samping beberapa orang tukang pembuat kraf dari Sabah dan Sarawak yang berpakaian tradisi suku etnik masing-masing turut menyumbang kepada keunikan dan kemeriahan sambutan Hari Kraf Negara kali ini.

Walaupun barangan kraf lebih sinonim kepada hiasan di dalam rumah atau premis, tetapi beberapa gerai turut menampilkan ciptaan dan pameran barangan kraf yang sesuai sebagai hiasan lanskap di luar atau halaman rumah. Penciptanya beusaha mengadun beberapa jenis pokok bunga atau tanaman liar di hutan untuk dipadankan dengan batang kayu mati atau tempurung dan sabut kelapa yang ternyata menarik dan dapat menghiasindahkan lanskap taman.

Melalui pameran ini juga para pengunjung turut berpeluang menyaksikan beberapa jenis kraftangan yang dihasilkan oleh pelbagai suku kaum masyarakat orang Asli. Bukan sahaja buluh sumpitan yang sinonim dengan kehidupan kaum asal ini tetapi juga beberapa jenis peralatan lain yang digunakan dalam kehidupan mereka seperti senjata dan pakaian. Peralatan itu juga diminati oleh para peminat dan pengumpul koleksi termasuk pelancong asing yang turut mengunjungi gerai pameran berkenaan.

Selain dapat menyemarakkan industri kraf warisan Malaysia yang turut menyumbang kepada pendapatan negara dan tarikan pengunjung yang telah dimasukkan dalam kalendar acara utama pelancongan, sambutan hari kraf kali ini juga menyumbang kepada inisiatif Kraf Malaysia yang turut memberikan tumpuan untuk menarik minat masyarakat membeli produk kraf sebagai hadiah dan cenderamata di samping sebagai hiasan rumah atau premis.